

03 OCT 2001

SULTAN BRUNEI BERLEPAS PULANG

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah berlepas pulang hari ini setelah melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia bagi mengadakan rundingan tahunan kelima dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pesawat khas yang membawa baginda dan rombongan berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada 11.30 pagi.

Yang turut hadir di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein selaku menteri pengiring.

Dalam lawatan itu, Sultan Brunei diiringi Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pengiran Isteri Mariam serta kerabat diraja, Penasihat Khas Sultan, Pehin Awang Isa dan Menteri Pendidikan Pehin Abdul Aziz.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri pada Isnin lepas, Malaysia bersetuju dengan permintaan Brunei untuk menubuhkan pejabat Konsul Jeneral negara itu di Kuching, Miri dan Kota Kinabalu.

Sultan Brunei juga dianugerahi ijazah Doktor Falsafah Kehormat Sains Politik oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada satu majlis konvokesyen khas semalam.

-- BERNAMA

MHI AHH RHM